

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 April 2017

SOALAN

Datuk Lihan Jok minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah bentuk evolusi dan nilai kekeluargaan itu sekarang memang sudah jauh berbeza dari dahulu yang memerlukan perhatian dan pendekatan yang baru untuk membina masyarakat yang kita harapkan apabila kita mencapai 2050.

JAWAPAN

Berdasarkan Kajian Kependudukan dan Keluarga Malaysia (KPKN) yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), nilai kekeluargaan yang diterapkan ibu bapa kepada generasi muda pada hari ini masih sama dan tiada perbezaan malah menunjukkan peningkatan berbanding sebelumnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa peratusan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan ibu bapa seperti hormat-menghormati, taat kepada suruhan Tuhan, berilmu dan berdisiplin menunjukkan peningkatan yang sangat membanggakan. Bagi suami/ bapa, penerapan nilai hormat menghormati terhadap anak-anak remaja didapati meningkat dari 19.2% pada 2004 kepada 58.4% pada tahun 2014. Nilai taat kepada suruhan Tuhan pula meningkat dari 35.6% pada tahun 2004 kepada 52.5% pada tahun 2014. Turut menunjukkan peningkatan adalah nilai-nilai lain seperti berilmu dan berdisiplin, masing-masing dengan 25.8% dan 11.0% pada tahun 2004, kepada 41.2% dan 33.9% pada tahun 2014. Bagi isteri/ ibu pula, penerapan nilai murni yang sama turut meningkat pada tahun 2014 berbanding 2004. Nilai hormat menghormati terhadap anak-anak remaja dari 23.7% kepada 57.6%, taat kepada suruhan Tuhan dari 22.0% kepada 48.4%, berilmu serta berdisiplin dari 22.9% dan 19.3% kepada 44.1% dan 29.4%. Dapatkan kajian juga menunjukkan hubungan harmoni di dalam keluarga wujud melalui aktiviti-aktiviti harian apabila majoriti remaja meluangkan masa berbual-bual (86.2%), menonton televisyen (79.6%) dan makan (79.1%) bersama keluarga setiap hari. Tuan Yang Dipertua, Melalui kajian terbaru iaitu IKK 2016, antara yang mencatatkan skor domain yang tinggi adalah domain hubungan keluarga iaitu 7.90 daripada skor 10. Dalam skor ini, indikator - indikator di bawahnya iaitu Penglibatan Ibu Bapa mencatatkan skor yang paling tinggi iaitu 8.38 diikuti indikator Daya Tahan Keluarga (8.20), Kefungsian Keluarga (8.11), Daya Tindak Keluarga (7.99), Perhubungan Rapat (7.92), dan Kualiti Masa Bersama Keluarga (7.76). Ini membuktikan tahap kesejahteraan hubungan keluarga di Malaysia pada hari ini masih tinggi. Bagi membina masyarakat yang makmur dan penyayang, pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui LPPKN termasuklah SMARTSTART, Parenting@Work, IlmuKeluarga@LPPKN, dan SMARTbelanja@LPPKN. Selain itu, bagi memantapkan institusi kekeluargaan di peringkat akar umbi, LPPKN telah mengadakan siri jelajah dan Forum Keluarga Bahagia di seluruh negara di samping memperkenalkan 5 teras utama keluarga bahagia (Kasih Sayang, Akhlak, Sihat & Selamat, Ilmu dan Harmoni) yang perlu diterapkan dalam setiap keluarga. Peranan komuniti untuk memperkuatkukuhkan kesejahteraan keluarga diperkasakan melalui siri program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) yang dilaksanakan di komuniti yang telah dikenalpasti. Terbaru, Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) telah dibangunkan bagi memupuk nilai kasih sayang dan sifat menghargai anak-anak dalam kalangan ibu bapa. Dengan usaha dan sokongan yang berterusan dari pelbagai pihak, hasrat untuk membina masyarakat yang terbuka, bertoleransi, berfikiran sivik, saksama dan mempunyai identiti nasional yang kukuh seperti kita harapkan menjelang tahun 2050 akan tercapai.

